

2 calon simpanan angkasawan dipilih

B.H 13/10/07 M/S 4
Proses saringan cari krew kedua sokong Dr Faiz

Oleh Abdul Halim Yusoff

MOSCOW: Proses saringan untuk memilih calon sokongan kepada Kapten Dr Faiz Khaleed yang akan mengikuti misi kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) tahun depan, akan dibuka tidak lama lagi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata bagi misi kedua ke ISS, Dr Faiz diletakkan sebagai calon utama, sementara calon sokongan beliau yang akan diletakkan sebagai krew kedua.

Katanya, kerajaan akan mengadakan proses saringan bagi mencari dua calon baru, seorang menjadi calon sokongan kepada Faiz manakala seorang lagi akan menjadi calon simpanan.

"Walaupun ada saringan baru, kita akan benarkan enam calon terakhir dalam pemilihan peringkat pertama sebelum ini untuk menyertai saringan itu pada peringkat akhir. Saringan baru diadakan kerana kita mahu melahirkan bakat baru terutama daripada kalangan wanita.

"Mungkin sebelum ini wanita mungkin tidak memandang serius keupayaan mereka untuk ke angkasa lepas, tetapi selepas melihat komander Peggy Whitson di ISS, mereka akan lebih teruja dan bersemangat untuk menjadi calon," katanya.

Beliau berkata demikian pada si-

dang media kepada wartawan Malaysia di kediaman Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Mohamad Khalis Ali Hassan di sini, semalam.

Mohamad Khalis menganjurkan majlis sembahyang sunat Aidilfitri bagi lebih 300 pelajar dan warga Malaysia di Moscow yang menyambut Hari Raya Puasa, semalam.

Mengulas mengenai misi kedua ke ISS, Jamaluddin berkata, program angkasawan negara bukan bermula dan berakhir dengan penghantaran angkasawan pertama, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha ke ISS.

"Selepas program angkasawan negara mendapat restu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, saya akan menghantar permohonan kepada Agensi Angkasa Russia (Roscosmos) untuk mendapatkan tarikh atau slot peng-

hantaran Dr Faiz.

"Kali ini, saya juga akan menghubungi Agensi Angkasa Amerika Syarikat (NASA) supaya Dr Faiz juga dihantar berlatih di kemudahan mereka supaya kebolehan beliau yang sudah diperakui Roscosmos, akan turut memenuhi tanda aras NASA.

"Kita mahu pada misi akan datang, angkasawan kita mampu membuat 'space walk' atau berjalan di angkasa dan membuat kerja lain seperti memperbaiki ISS, umpamanya. Untuk itu Faiz perlu dihantar untuk buat latihan di NASA," katanya.

Mengenai pembiayaan untuk misi kedua, Jamaluddin berkata, beliau akan berunding dengan Unit Perancang Ekonomi dan membentangkannya kepada Kabinet untuk kelulusan.

Program angkasawan negara pertama adalah persetujuan timbal-balas pembelian 18 jet pejuang Sukhoi SU-30 MKM bernilai RM3.4 billion dari Russia yang ditandatangani pada 5 Ogos 2003.

Dr Sheikh Muszaphar, 35 dan Kapten Dr Faiz, 26, adalah dua calon akhir yang dipilih daripada 11,275 calon yang memohon.

Sementara itu, Jamaluddin mengesahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mewakili kerajaan Malaysia menyambut kepulangan Dr Sheikh Muszaphar di Pusat Kawalan Misi (MCC) di sini, pada malam 21 Oktober atau awal pagi 22 Oktober ini.

FAKTA NOMBOR

Misi ke ISS

6

Calon terakhir peringkat pertama disaring

11,275

Permohonan calon peringkat pertama